



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**20 Mac 2025
19 Ramadan 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	• <i>Green Chromide cichlid</i> spesies ikan pendatang di muara • Intan Faraha 'doktor' ikan
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
BenarNews Malaysia [Online]	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL			26-27	20-3-2025

Inilah rupa ikan pendatang dari India, Green Chromide Cichlid (GCC) yang sudah banyak menguasai kawasan muara di Kelantan dan Terengganu.

Green chromide cichlid spesies ikan pendatang di muara

Kelantan, MS26-27

Selama ini, negara kita dikhuatiri dengan ancaman ikan pendatang terutamanya di perairan air tawar seperti ikan bandar raya, baung ekor merah, peacock bass dan bermacam lagi. Bagaimana pula jika ada kehadiran ikan pendatang di kawasan muara?

Green chromide cichlid (GCC) atau nama lainnya pearlsport cichlid, banded pearlsport atau striped chromidae atau nama saintifiknya, *Etilopius surutensis* ialah spesies ikan pendatang dan ia berasal dari Kerala dan Goa, India serta Sri Lanka. Ikan ini sama spesies dengan ikan tilapia iaitu keluarga cichlid. Ia boleh hidup di dalam perairan payau dan air tawar.

Oleh Ibrahim Jusoh

Ancaman ikan kuku

Lambakan ikan ini menjadi satu keresahan kepada pemancing tempatan terutamanya bagi kaki pancing ikan kuku di kawasan muara sungai. Ikan kuku atau dalam bahasa Inggeris dipanggil bream merupakan spesies ikan tempatan asli di negara kita dan banyak didapati di kawasan muara terutamanya di Pantai Timur.

MENURUT info, kemasukkan ikan ini ke Malaysia adalah pada tahun 1970 sebagai ikan hiasan. Lama-kelamaan, ia mula ditemui di segenap pelosok kawasan muara di Kelantan dan beberapa muara di Terengganu seperti Kuala Ibai.

“Bagi pemancing pula, tiada apa yang boleh dilakukan melainkan sama-sama memancing ikan ini. Paling penting, jangan lepaskan ikan ini semula, terbaik lepaskan ke dalam kualiti, digoreng menjadi lauk sekeluarga.”

Sebagai permulaan, pemancing remaja memang sesuai memancing ikan GCC. Adik Alif bersama ikan GCC. Boleh tahan juga saiznya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	—	NEUTRAL		27	



Kemunculan ikan GCC di muara menyusahkan pemancing apabila ia terlebih dahulu membaham umpan yang dihulurkan. Selain ikan kuku, ikan kitang yang mudah dipancing pun sudah semakin sukar didapati sekarang.

Hairan juga memikirkan bagaimana ikan GCC boleh beradaptasi dengan kawasan berarus pasang dan surut seperti di muara sungai.

Mungkin ia sudah lama berada di kawasan muara dan membiak dengan baik, sekali gus menyebabkan ikan ini sudah biasa dengan suasana berarus begitu.

Kebiasaannya, saiz ikan ini dalam lingkungan 20 sentimeter atau lebih kurang, badan licin panjang, dan dikatakan boleh membesar sehingga maksimum dua kali ganda. Ia hidup berkumpulan hingga berpuh-puluh ekor dalam pelbagai saiz.

Dietnya berupa alga, plankton dan sisa daripada hidupan air yang telah mati. Sama seperti keluarga ikan cichlid yang lainnya, ia bersarang seperti kuali, iaitu induk akan menjaga sarang dan anak-anaknya daripada ancaman sehinggalah anak-anaknya membesar.

Paling dikhawatiri adalah ancaman spesies ikan GCC kepada ikan-ikan tempatan terutama ketika perebutan makanan dan kemusnahan telur-telur ikan tempatan yang turut menjadi diet kepada ikan ini.

Bagi pemancing pula, tiada apa yang boleh dilakukan melainkan sama-sama memancing ikan ini. Paling penting, jangan melepaskan ia semula, terbaik lepaskan ke dalam kuali, digoreng menjadi lauk sekeluarga.

Ikan latihan memancing

Bagi pemancing yang baru bernak-jinak dengan pancingan muara, ikan GCC ini menjadi seolah-olah satu lembaran baharu. Ikan ini sesuai



dipancing pada hujung minggu bersama keluarga. Waktu air mati, ketika perubahan arus tidak ketara dengan arus yang lemah adalah masa paling sesuai memancingnya.

Ikan ini mudah sahaja dipancing, ia makan apa sahaja umpan yang dihulurkan terutamanya roti. Pilihan roti sebagai umpan tidak lain tidak bukan, pastinya roti Gardenia kerana wangi dan mampat, tidak mudah hancur apabila digentel ke mata kail dan direndam di dalam air, lebih-lebih lagi di kawasan berarus seperti di muara.

Teknik memancing ikan GCC juga sama seperti memancing ikan kuku. Tali utama berkekuatan enam sehingga 10 paun (lb) sudah memadai untuknya. Perambut, pelampung atau klip tidak perlu digunakan.

Mata kail antara saiz tujuh hingga 10 diikat terus ke tali utama. Sebelum mata kail diikat, masukkan dulu batu ladung dari nombor satu sehingga tiga (saiz batu ladung ikut kekuatan arus), selepas itu ikat penahan (stopper) berupa gelang getah untuk dijadikan penahan batu ladung.

Kuala Pak Mat, Kelantan selalu menjadi pilihan saya untuk memancing ikan GCC. Ini kerana, di situ juga merupakan lokasi terbaik memancing ikan kuku.

Aksi ikan GCC juga tidak kurang hebatnya, larian pertamanya cukup menebarkan.

Henjutannya juga tidak ubah seperti ikan kuku dan selalunya mengelirukan sama ada ikan kuku atau GCC di hujung kail saya.

Jika memancing ikan GCC,

1. Kini, ikan kitang sudah semakin sukar untuk dipancing.
2. Spesies ikan bawal hidup di muara, sekarang habitatnya juga diancam ikan GCC.
3. Ikan ini cantik dibela di dalam akuarium.
4. Di mana-mana sahaja ikan GCC ini boleh dipancing.
5. Ikan GCC tangkapan saya.

umpan tidak perlu dilontar jauh seperti memancing ikan gelama, cukup sekadar dilabuhkan di hadapan anda dengan jarak satu hingga dua meter dari tebing.

Selepas umpan dilabuh, cebisan roti yang digentel padat juga harus dilemparkan sentiasa sebagai 'rasuah' untuk ikan GCC ini menghimpit tapak memancing.

Jika ada kawanan ikan GCC berhampiran, anda tidak perlu menunggu lama untuk umpan dibedalnya. Rasuah juga harus konsisten supaya kawanan ikan ini tidak lari jauh.

Dalam masa dua jam saya memancing, tangkapan ikan GCC hampir memenuhi beg plastik yang dibawa. Cukuplah untuk saya jadikan lauk buat sekeluarga.

Nasihat saya kepada mereka yang memancing ikan ini, anda disarankan membawa pulang hasil tangkapan tersebut dan jangan lepaskan kembali. Takut nanti ia akan terus menguasai sungai dan memusnahkan ekosistem sungai di negara kita.

Sejauh mana bahayanya tidak dapat dipastikan lagi, cuma kita perlu berwaspada. Manalah tahu jadi seperti ikan bandar raya yang terus berkembang biak di perairan sungai negara kita. Renung-renungkan dan selamat memancing.



JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	28	20-3-2025



PEACOCK bass antara spesies yang menjadi subjek penyelidikan berkenaan ikan pendatang.



BIDANG kepakaran Dr. Intan merangkumi sains perikanan, ekologi ikan, biologi ikan, biodiversiti marin, sains akuatik dan pengurusan akuakultur.

Intan Faraha 'doktor' ikan

Jika dahulu, bidang perikanan dipelopori oleh kaum Adam, namun seiring dengan arus kemodenan masa, semakin ramai golongan wanita berkecimpung dalam bidang akuakultur

DOKTOR Intan Faraha A. Ghani antara nama yang kerap 'timbul' jika anda ingin berbicara secara ilmiah berkaitan bidang akuakultur di negara kita.



Sila imbas kod QR ini untuk menonton Podcast Geombang Dr. Intan.

Oleh Dzul Asyraf

BELIAU bertugas sebagai pensyarah kanan dan penyelidik di Universiti Selangor (Unisel) di Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat. Pada masa sama, beliau juga memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Sumber di fakulti tersebut.

Dalam episod dua Podcast Geombang, Dr. Intan hadir sebagai tetamu bagi bercerita mengenai kepentingan konservasi dan pemuliharaan biodiversiti ikan asli tempatan dan ancaman spesies ikan pendatang. Antara spesies ikan yang menjadi subjek kepada penyelidikan, beliau adalah ikan bandaraya initu spesies ikan pendatang yang hangat diperkatakan ketika ini.

Latar belakang

Merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Agroteknologi (Akuakultur) di Universiti Malaysia Terengganu, Dr. Intan turut melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang

Biologi Ikan/Akuakultur di Universiti Putra Malaysia.

Dr. Intan memulakan kerjayanya sebagai juruteknik akuakultur di Blacktiger Aquaculture dari Julai 2007 hingga Julai 2008.

Pada Ogos 2008, beliau menyertai Unisel sebagai pensyarah dan penyelidik. Kini, beliau telah berkhidmat selama lebih 16 tahun dalam bidang pendidikan tinggi.

Bidang kepakaran dan penyelidikan

Bidang kepakaran Dr. Intan merangkumi sains perikanan, ekologi ikan, biologi ikan, biodiversiti marin, sains akuatik dan pengurusan akuakultur.

Beliau telah menerbitkan lebih daripada 20 penerbitan dengan lebih 10,000 bacaan dan 83 sitasi, sekali gus menunjukkan sumbangan signifikannya dalam bidang akuakultur.

Penerbitan dan sumbangan akademik

Antara hasil kerja terkini beliau termasuk kajian mengenai spesies ikan invasif di Malaysia, impak ekologi dan sosioekonomi

ikan air tawar bukan asli, serta pembangunan primer eDNA spesifik spesies untuk pemantauan spesies invasif.

Beliau turut terlibat dalam penyelidikan mengenai komposisi diet dan strategi pemakanan spesies ikan tenggalan (*Puntipolites bulu*) di Sungai Perak.

Komuniti dan pendidikan

Selain bertugas sebagai pensyarah dan penyelidik, Dr. Intan aktif dalam berkongsi ilmu dengan komuniti.

Beliau pernah terlibat dalam program *Fleco Quest* yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai ancaman ikan bandaraya di Malaysia.

Beliau juga menggunakan platform dalam talian untuk berkongsi bahan pendidikan seperti pembentangan mengenai Sains untuk pelajar di tingkatan lima.

Dengan pengalaman dan kepakaran yang luas dalam bidang perikanan serta akuakultur, Dr. Intan terus memberikan sumbangan sains akuatik dan pendidikan di Malaysia. Syabas.

